

BAB LAPAN

PENUTUP

8.0. Pengenalan

Bab terakhir ini mengandungi dua tajuk utama iaitu kesimpulan dan cadangan. Tajuk kesimpulan mengandungi kesimpulan-kesimpulan bagi fakta-fakta penting yang dibahaskan dalam kajian ini. Tajuk cadangan pula mengemukakan beberapa cadangan yang dikira bermanfaat bagi usaha mempertingkatkan pengajaran bahasa Arab.

8.1. Kesimpulan

Yang dimaksudkan dengan maf'ulat dalam kajian ini ialah maf'ul bih, maf'ul mutlaq, maf'ul ma'ah, maf'ul fih dan maf'ul lah. Kelima-lima maf'ulat ini adalah mansub.

8.1.1. Maf'ul Bih

Maf'ul bih dimansubkan sama ada oleh kata kerja transitif secara langsung tanpa sebarang perantaraan, oleh kata kerja transitif melalui

partikel jar, *فِي* dan *إِلَى* . Ada kalanya maf'ul bih dimansubkan oleh kata nama pelaku, kata nama terbitan, kata nama kerja dan kata kerja andaian.

Kata kerja transitif terbahagi kepada tiga. Ada yang menasabkan satu maf'ul bih, dua maf'ul bih dan tiga maf'ul bih. Bagi kata kerja transitif yang menasabkan dua maf'ul bih, kedua-dua maf'ul bih pada asalnya merupakan subjek dan prediket atau bukan terdiri daripada subjek dan prediket. Bagi kata kerja transitif yang menasabkan tiga maf'ul bih, ketiga-tiga maf'ul bih tersebut pada asalnya adalah pelaku, subjek dan prediket. Kata kerja transitif yang menasabkan tiga maf'ul bih terbentuk melalui dua cara iaitu dengan imbuhan hamzat al-naql dan penggandaan huruf tengah kata kerja tersebut.

Maf'ul bih hendaklah disebut di dalam beberapa keadaan. Antaranya apabila maf'ul bih merupakan jawapan terhadap soalan yang dikemukakan. Kedua apabila maf'ul bih merupakan sesuatu pengecualian. Ketiga sekiranya maf'ul bih adalah sesuatu yang disanjung atau ditakjubkan. Dan yang keempat ketika tidak disebut agen yang menasabkannya.

Maf'ul bih digugurkan untuk tujuan penjagaan dari sudut lafaz dan penjagaan dari sudut makna. Maf'ul bih didahulukan dari kata kerja dalam beberapa keadaan. Pertama apabila ayat tersebut mengandungi makna yang

terikat dengan syarat. Kedua apabila maf'ul bih digandingkan dengan syarat. Ketiga apabila ayat tersebut mengandung makna pertanyaan. Keempat apabila maf'ul bih digandingkan dengan pertanyaan. Kelima apabila maf'ul bih dinasabkan oleh jawab partikel **أَمَّا**. Keenam apabila maf'ul bih dinasabkan oleh kata kerja suruhan yang didahului oleh huruf **الْفَاءُ**. Ketujuh sekiranya maf'ul bih merupakan partikel penyata **كَمْ** yang membawa makna pernyataan **خَبَرِيَّةٌ**.

Mendahulukan kata kerja dari maf'ul bih dalam beberapa keadaan. Pertama kata kerja tersebut merupakan kata kerja takjub. Kedua apabila kata kerja disertai oleh partikel jar. Ketiga apabila kata kerja didahului oleh partikel jazam. Keempat apabila kata kerja dimasuki penegasan. Kelima apabila kata kerja disertai oleh partikel lam sumpah. Keenam apabila kata kerja disertai oleh partikel lam mula. Ketujuh apabila kata kerja didahului oleh partikel **قَدْ**. Kelapan apabila kata kerja disertai oleh perkataan **سَوْفَ**. Kesembilan apabila maf'ul bih disusuli oleh partikel **أَنَّ** yang membawa pengertian sesungguhnya.

Mendahulukan pelaku dari maf'ul bih dalam beberapa keadaan. Pertama apabila dibimbangi berlakunya kesamaran di dalam membezakan di antara pelaku dengan maf'ul bih. Kedua apabila maf'ul bih merupakan kata nama terhad. Ketiga apabila pelaku merupakan ganti nama yang berhubung manaakala maf'ul bih adalah kata nama zahir. Keempat ketika pelaku bagi kata kerja adalah kata ganti nama, begitu juga maf'ul bih terdiri dari kata ganti nama.

Mendahulukan maf'ul bih dari pelaku dalam beberapa keadaan. Pertama apabila terdapat kata ganti nama pada pelaku. Yang mana kata ganti nama ini ditujukan atau kembali kepada maf'ul bih. Kedua apabila maf'ul bih merupakan kata ganti nama yang berhubung dan di samping itu pula kata ganti nama ini berhubung terus dengan kata kerja tanpa ia dipisahkan oleh perkataan-perkataan lain di antara kedua-duanya. Seterusnya pelaku pula terdiri dari kata nama zahir. Ketiga apabila pelaku merupakan kata ganti nama terhad. Keempat apabila pelaku terdiri dari kata nama terhad dengan partikel sama ada *إِلَّا* atau pun *إِنَّمَا*.

Maf'ul bih terdapat dalam pelbagai bentuk. Antaranya ialah kata nama jamid, masdar, kata nama masdar, kata nama sifat, kata nama mawsul, kata ganti nama yang berhubung, kata nama bilangan, kata nama tanya, kata nama tunjuk, kata nama tunggal, kata nama jama' taksir, kata nama jama'

mudhakkār salīm, kata nama jama‘ muannath salīm, jar dan majrur dan dalam bentuk ayat.

Dari sudut semantik terdapat kata kerja yang asalnya adalah kata kerja transitif, kata kerja tak transitif iaitu lazim menjadi transitif dengan bantuan huruf jar dan kata kerja yang digunakan untuk transitif dan tak transitif. Seterusnya perubahan fungsi kata kerja setelah ia disertai oleh hamzat al-naql. Begitu juga perubahan fungsi kata kerja dengan penggandaan huruf tengah kata kerja.

8.1.2. Maf‘ul Mutlaq

Maf‘ul mutlaq yang merupakan kata nama terbitan yang mengandungi kata nama kerja yang tidak terikat dengan masa terbahagi kepada tiga. Pertama maf‘ul mutlaq yang mengukuhkan agennya, kedua maf‘ul mutlaq yang menerangkan jenisnya dan yang ketiga maf‘ul mutlaq yang menerangkan bilangan. Maf‘ul mutlaq boleh disebut dalam bentuk tunggal, dalam bentuk muthanna dan dalam bentuk jama‘.

Agen yang menasabkan maf‘ul mutlaq terdiri dari kata nama terbitan **المَصْدَرُ** yang serupa dengannya dari sudut lafaz dan makna. Kata nama terbitan **المَصْدَرُ** yang serupa dengannya dari sudut makna sahaja, kata kerja

mutasarrif tam dan wasf. Wasf yang menasabkan maf'ul mutlaq terdiri dari kata nama pelaku, kata nama objek dan pola kepalingan.

Agen yang menasabkan maf'ul mutlaq kadang kala disebut dan kadang kala tidak disebut. Agen disebut bagi maf'ul mutlaq yang mengukuhkan kata kerjanya. Manakala agen tidak disebut bagi beberapa keadaan. Antaranya yang pertama gaya insya' talabiy, kedua gaya insya' ghair talabiy dan ketiga gaya penyata. Bagi maf'ul mutlaq yang menerangkan jenis harus dibuang agen dalam dua keadaan. Pertama apabila terdapat bukti dari sudut konteks (دَلِيلٌ مَقَالِيٌّ) tentang pembuangannya dan kedua apabila terdapat bukti dari sudut situasi (دَلِيلٌ حَالِيٌّ) tentang pembuangannya.

Bagi maf'ul mutlaq yang menerangkan bilangan harus dibuang agennya dalam dua keadaan. Pertama apabila terdapat bukti dari sudut konteks (دَلِيلٌ مَقَالِيٌّ) dan kedua apabila terdapat bukti dari sudut situasi (دَلِيلٌ حَالِيٌّ). Pengganti masdar yang bertindak sebagai maf'ul mutlaq hanya untuk maf'ul mutlaq yang menerangkan jenis dan mengukuhkan agennya sahaja.

Dari sudut semantik terdapat kata nama terbitan (الْمَصْدَرُ) Yang mengukuhkan agen maf'ul mutlaq, yang menerangkan jenis maf'ul mutlaq dan yang menerangkan bilangan maf'ul mutlaq.

8.1.3. Maf'ul Ma'ah

Partikel waw (وَ) yang mendahului maf'ul ma'ah hendaklah membawa makna pendampingan (الْمُصَاحِبَةُ) antara kata kerja dengan kata nama lain yang mendampingi pelaku dalam ayat tersebut. Sekiranya partikel waw (وَ) yang mendahului kata nama kedua tidak membawa makna pendampingan tetapi membawa makna gandingan (الْعَطْفُ) maka kata nama selepas partikel waw (وَ) tidak boleh menjadi maf'ul ma'ah.

Maf'ul ma'ah hendaklah didahului oleh ayat yang mengandungi kata kerja atau kata nama yang membawa makna kata kerja.

8.1.4. Maf'ul Fih

Maf'ul fih adalah kata keterangan (zarf) masa dan tempat yang mengandung makna partikel **فِي** atau ia adalah terdiri dari mana-mana kata nama yang membawa makna kata nama masa dan kata nama tempat atau mana-mana kata nama yang selari dengan kata nama masa dan kata nama tempat.

Kata nama keterangan tempat dan kata nama keterangan masa yang dinasabkan di atas dasar zarf terbahagi kepada:

1. Kata nama keterangan masa kabur (**مُبْهَمٌ**)
2. Kata nama keterangan masa khusus (**مُخْتَصٌّ**)
3. Kata nama keterangan tempat kabur (**مُبْهَمٌ**)
4. Kata nama keterangan tempat yang mana kata dasarnya sama dengan kata dasar bagi kata kerja yang menjadi agen nasab kepada kata nama keterangan tempat tersebut.

Zarf terbahagi kepada beberapa jenis iaitu zarf mutasarrif dan zarf tak mutasarrif.

Dari sudut semantik kata nama keterangan tempat dan kata nama keterangan masa boleh mengandungi partikel (في) dan boleh juga tidak mengandungi partikel (في).

8.1.5. Maf'ul Lah

Maf'ul lah adalah kata nama terbitan (المَصْدَرُ) yang menerangkan sebab berlakunya sesuatu kata kerja. Kata nama yang berfungsi sebagai maf'ul lah perlu memenuhi lima syarat.

1. Ia berbentuk kata nama terbitan (المَصْدَرُ)
2. Masdar yang berfungsi sebagai maf'ul lah hendaklah membawa makna kata kerja yang dilakukan oleh hati perasaan.
3. Masdar yang dijadikan sebagai maf'ul lah boleh menerangkan kenapakah sesuatu kerja yang datang sebelumnya berlaku.
4. Masdar yang hendak dijadikan sebagai maf'ul lah hendaklah berlaku serentak dengan kata kerja yang datang sebelumnya.
5. Masdar yang hendak dijadikan sebagai maf'ul lah hendaklah dilakukan oleh individu yang melakukan kata kerja yang datang sebelumnya.

Maf'ul lah terbahagi kepada tiga jenis iaitu:

- (i) Maf'ul lah yang tidak disertai oleh أل dan bukan mudaf (مُضَافٌ).
- (ii) Maf'ul lah yang disertai oleh “أل”.
- (iii) Maf'ul lah yang merupakan mudaf (مُضَافٌ).

Agen yang menasabkan maf'ul lah ialah kata kerja atau kata nama yang berperanan sebagai kata kerja. Yang dimaksudkan dengan kata nama yang berperanan sebagai kata kerja ialah

- (i) Masdar (المَصْدَرُ).
- (ii) Kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ).
- (iii) Kata nama objek atau penyambut (اسْمُ الْمَفْعُولِ).
- (iv) Pola kepalingan (صِيغَةُ الْمُبَالَغَةِ).
- (v) Kata nama kerja (اسْمُ الْفِعْلِ).

Maf'ul lah dan agennya digunakan dalam empat bentuk:

- (i) Diharuskan tidak menyebut maf'ul lah ketika terdapatnya petunjuk (قَرِيْنَةٌ) yang boleh menerangkan maf'ul lah yang dibuang.

- (ii) Diharuskan mendahulukan maf'ul lah dari agennya sama ada maf'ul lah tersebut mansub (مَنْصُوبٌ) atau pun majrur (مَجْرُورٌ).
- (iii) Diharuskan membuang agen yang menasabkan maf'ul lah ketika terdapatnya qarinah (قَرِينَةٌ) yang boleh menerangkan agen yang dibuang.
- (iv) Bagi setiap agen hanya satu maf'ul lah.

Dari sudut semantik masdar (مَصْدَرٌ) boleh membawa makna kata kerja hati dan bukan mengandungi makna kata kerja yang dihasilkan oleh anggota tubuh badan.

8.1.6. Surah Yasin

Dalam surah Yasin hanya terdapat maf'ul bih, maf'ul mutlaq dan maf'ul fih.

Dari sudut semantik, diterangkan secara jelas tentang maksud yang terdapat dalam surah tersebut. Contohnya dalam maf'ul mutlaq disentuh maf'ul mutlaq yang menerangkan bilangan.

8.2. Cadangan

Pada kesempatan ini penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan bagi membantu usaha mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di negara ini.

Antaranya:

- a) Menonjolkan jenis-jenis maf'ulat yang ada padanan dengan bahasa Melayu serta ia sesuai diperkenalkan kepada pelajar-pelajar agar mereka mampu membentuk ayat-ayat yang lebih indah dari sudut bahasa serta maksudnya difahami dengan mudah.

- b) Dalam pengajaran pula, bentuk maf'ul bih yang agak istimewa dan digunakan dalam al-Qur'an al-Karim diberi penonjolan dalam menerangkan kepelbagaian bentuk maf'ul bih. Misalnya (**إِيَّاكَ نَعْبُدُ**)¹ (Engkaulah sahaja (Ya Allah) yang kami sembah).

- c) Pelajar juga perlu didedahkan dengan bentuk maf'ul bih yang dibuang agennya seperti dalam ungkapan **أَهْلًا وَسَهْلًا** (selamat datang) dan juga maf'ul bih yang digugurkan dalam ayat kerana sudah difahami daripada konteks

¹ Surah al-Fatihah, ayat 5.

percakapan seperti (فَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا وَلَنْ تَفْعَلُوا)² (Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya dan sudah tentu kamu tidak akan dapat membuatnya)

d) Memandangkan maf'ul fih, maf'ul lah dan maf'ul mutlaq kurang dikuasai penggunaannya oleh para pelajar, dicadangkan penerangan tentang ketiga-tiga jenis maf'ulat ini dipermudahkan dan diberi latihan yang kerap supaya pelajar dapat memahaminya dengan baik.

8.3. Penutup

Maf'ulat yang terdiri daripada maf'ul bih, maf'ul mutlaq, maf'ul ma'ah, maf'ul fih dan maf'ul lah adalah unsur-unsur yang penting bagi pembinaan ayat yang indah dalam bahasa Arab. Walau bagaimana pun kadangkala dalam keadaan tertentu tanpa kewujudan maf'ulat ini ayat tersebut tidak menjadi ayat yang sempurna. Bagi ayat yang terdapat di dalamnya kata kerja transitif, tanpa maf'ul bih ia tidak akan menjadi ayat yang sempurna sebagaimana yang telah dinyatakan sebelumnya.

Di antara keunikan bahasa Arab ialah kelima-lima jenis maf'ulat ini digunakan dengan cara yang meluas. Setiap jenis maf'ulat mempunyai fungsi-fungsi yang tersendiri serta berlainan di antara satu sama lain.

² Surah al-Baqarat, ayat 24.

Perkara ini telah pun dinyatakan dengan sejelas-jelasnya dalam bab-bab yang terdahulu.

Bahasa Arab adalah bahasa al-Qur'an al-Karim yang merupakan mukjizat Nabi Muhammad s.a.w. sehingga kiamat dan panduan hidup kepada orang-orang Islam. Oleh itu bahasa Arab tidak akan mati atau terkubur kerana Allah s.w.t. telah berjanji untuk memeliharakannya seperti yang tersebut dalam surah al-Hijr ayat 9 iaitu

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Bermaksud:

“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Qur’an dan kamilah yang memelihara dan menjaganya”